



3,200 isi rumah terima manfaat Program Titipan Kasih Kurangkadar kadar kemiskinan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

kota@utusan.com.my

SABAK BERNAM 14 Mac - Sebanyak 3,200 isi rumah berpendapatan rendah di 56 bandar di seluruh negara menerima manfaat daripada Program Titipan Kasih yang melibatkan peruntukan sejumlah RM3 juta sehingga Disember ini.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, program itu merupakan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Yayasan MyKasih yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan program bantuan makanan.

Beliau berkata, setiap isi rumah akan menerima bantuan RM80 setiap bulan yang akan dimasukkan melalui kad pengenalan pintar, MyKad bagi membolehkan penerima menggunakannya untuk membeli barang keperluan harian di pasar raya dan kedai terpilih.

"Antara pasar raya dan kedai terpilih adalah seperti Giant, Mydin, KK Mart, Econsave, The Store, Kedai Rakyat 1Malaysia, 99Speedmart, Pasaraya Bilal, Tunas Manja dan Milimewa.

"Kita akan sentiasa menambah dan memperluaskan senarai kedai serta pasar raya terpilih dari semasa ke semasa bagi memudahkan penerima menikmati bantuan Program Titipan Kasih," katanya selepas merasmikan Program Titipan Kasih Peringkat Nasional 2013 di Sungai Besar di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Noriah Kasnon; Penasihat MyKasih Foundation, Datuk Yaacob Md. Amin dan Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Supritendan Noor Mushar Mohamad.

Raja Nong Chik berkata, program tersebut merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang bertujuan untuk memastikan kadar kemiskinan di negara ini dikurangkan kepada dua peratus menjelang 2015.

"Bagi mencapai sasaran itu, langkah untuk meningkatkan tahap

pendapatan isi rumah 40 peratus sedang diperhebat iaitu meningkatkan pendapatan daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 menjelang 2015.

"Kita berharap program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar ini dapat meringankan beban dan memastikan setiap warga miskin bandar dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan berkualiti," katanya.

Dalam majlis itu, Raja Nong Chik turut menyerahkan sumbangan RM10,000 kepada Nurunnisa Abu Bakar iaitu balu Allahyarham Sarjan Sabarudin Daud yang terkorban dalam insiden pencerobohan pengganas dari Filipina di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 1 Mac lalu.

Katanya, sumbangan itu adalah hasil kutipan Tabung Wira Negara Lembah Pantai yang diwujudkan oleh Barisan Nasional (BN) Lembah Pantai untuk meniuip semangat dan sokongan moral terhadap keluarga anggota pasukan keselamatan yang terkorban.



RAJA Nong Chik (tiga dari kiri) diiringi Noriah Kasnon (lima dari kiri) melihat kakitangan Yayasan MyKasih menunjukkan proses pembelian barangan keperluan melalui kad pengenalan pintar semasa menghadiri Program Titipan Kasih di Sungai Besar, Selangor, semalam.